

10 OCT 1997

Transfield-kapal

AUSTRALIA MAHU DAPATKAN PENJELASAN MENGENAI KEGAGALAN KONTRAK

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 10 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Australia, Tim Fischer berkata beliau akan mendapatkan penjelasan daripada kerajaan Malaysia berhubung penolakan tawaran kontrak pertahanan daripada Australia bernilai A\$2 bilion.

Fischer dijadualkan menandatangani perjanjian perdagangan dengan Malaysia pada 16 Oktober ini di Kuala Lumpur bagi menggantikan perjanjian 1958.

Bagaimanapun misi perdagangannya ke Kuala Lumpur telah tercemar dengan laporan bahawa Transfield Defence Systems (TDS) Australia gagal untuk mendapatkan kontrak bagi membekalkan 27 buah kapal ronda kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kontrak itu sebaliknya ditawarkan kepada sebuah syarikat Jerman.

Fischer berkata beliau akan membangkitkan perkara itu dalam pertemuannya dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz minggu depan.

"Saya kecewa (dengan kegagalan tawaran itu) dan adakah saya akan membangkitkannya? Ya," katanya dalam temuramah dengan Associated Press Australia, hari ini.

Transfield berkata adalah wajar bagi Fischer membangkitkan perkara itu kerana sehingga ini belum ada sebab mengapa kerajaan Malaysia menolak tawaran yang kompetitif itu.

Tetapi Fischer mempertahankan kegagalan itu adalah akibat kenyataan bekas Perdana Menteri Paul Keating yang memanggil Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "keras kepala" empat tahun lalu.

"Kita tidak tahu sama ada perkataan keras kepala begitu bertahan sehingga tawaran profesional Transfield diketepikan untuk menahannya daripada mendapat bahagian yang adil akhirnya," katanya kepada stesen Radio Australian Broadcasting Corp (ABC).

Bagaimanapun Parti Buruh menyifatkan dakwaan Fischer sebagai satu helah untuk menutup kegagalan kerajaan pimpinan John Howard untuk mengotakan janjinya mewujudkan hubungan dua hala yang erat dengan Malaysia.

"Sikap tidak sensitif kerajaan Howard terhadap Asia juga kemungkinan akan menyebabkan Transfield, pembuat kapal terkemuka di Australia, gagal dalam kontrak-kontrak penting yang lain," kata jurucakap parti pembangkang Senator Peter Cook.

Dalam satu kenyataan Cook berkata "Perdana Menteri John Howard hendaklah menerima tanggungjawab itu (kegagalan mendapatkan kontrak dari Malaysia)".

"Seseorang Perdana Menteri Australia tidak boleh menerima jemputan untuk melawat KL, berjanji untuk membuat lawatan sejak dari CHOGM lagi, tetapi kemudian membatalkannya. Itulah yang dilakukan John Howard menjelang tawaran kontrak kapal ronda bernilai A\$2 bilion," kata Cook.

Tetapi para pegawai Kementerian Luar dan Kementerian Perdagangan berkata Australia telah bekerja keras untuk menjalinkan hubungan erat dengan Malaysia dan satu pertemuan antara Dr Mahathir dengan Howard "telah dirancang" pada suatu masa tahun depan.

Di Kuala Lumpur, German Naval Group (GNG), salah satu daripada dua syarikat Jerman yang memohon kontrak itu berkata masih terlalu awal untuk mengulas mengenai kontrak yang dimenangi oleh syarikat Jerman itu.

Ketua Projek Kanan, Dimitri Edward Dasberg berkata sehingga ini masih belum ada kenyataan rasmi mengenai projek tersebut.

"Saya tak boleh sahkan apa-apa. Lebih baik tunggu Menteri Pertahanan (Datuk Syed Hamid) pulang untuk membuat pengumuman mengenainya," katanya ketika dihubungi Bernama.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar yang dalam percutian selepas lawatan rasmi ke Austria dijangka pulang Selasa ini.

Berita mengenai kontrak itu timbul ketika hubungan pertahanan Malaysia-Jerman berkembang. Bulan lepas tentera laut kedua-dua negara mengadakan latihan bersama yang pertama seumpamanya antara sebuah negara Eropah dengan sebuah negara Asia.

GNG dikatakan akan menggunakan 50 peratus bahan tempatan dan membuat pemindahan teknologi berkekalan jika memenangi kontrak itu.

GNG, sebuah konsortium empat buah syarikat mempunyai pengalaman lebih 100 tahun dalam pembuatan kapal dan beroperasi di 70 buah negara termasuk Malaysia.

-- BERNAMA

ND RV oba